



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SELANGOR, 2025

KDNK Selangor mencecah RM460.1 bilion, berkembang 6.3 peratus melepasi nasional, kekal sebagai penyumbang utama ekonomi negara

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI SELANGOR, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara dengan nilai KDNK berjumlah RM460.1 bilion dengan sumbangan 26.5 peratus kepada ekonomi negara. Pertumbuhan yang dicatatkan Selangor pada 2025 adalah 6.3 peratus, melebihi paras nasional 5.2 peratus."

Dari aspek komposisi ekonomi Selangor pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri dengan sumbangan sebanyak 60.8 peratus. Seterusnya, sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing menyumbang sebanyak 28.5 peratus dan 5.8 peratus. Sektor Pertanian mencatatkan sumbangan sebanyak 1.1 peratus, diikuti sektor Perlombongan & pengkuarian yang menyumbang 0.2 peratus kepada ekonomi negeri ini.

Sektor Perkhidmatan yang merupakan peneraju ekonomi negeri Selangor berkembang 6.0 peratus (2024: 6.3%) dengan nilai ditambah mencecah RM279.9 bilion. Pertumbuhan sektor ini dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang berkembang 6.3 peratus (2024: 4.6%) serta Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT yang meningkat 6.7 peratus (2024: 6.9%).

Sektor Pembuatan negeri ini bertumbuh 4.1 peratus (2024: 5.1%) disumbangkan oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal yang mengukuh kepada 8.9 peratus (2024: 5.7%) selari dengan permintaan global yang kukuh terhadap komponen semikonduktor. Prestasi sektor ini turut didorong oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang meningkat 6.3 peratus (2024: 5.6%).

Pada masa yang sama, sektor Pembinaan mengekalkan momentumnya dengan pertumbuhan dua digit iaitu 16.0 peratus (2024: 15.8%) didorong oleh subsektor Pembinaan bangunan yang mengukuh 24.0 peratus (2024: 29.2%).

Manakala sektor Pertanian menyederhana 4.0 peratus (2024: 8.1%) disumbangkan oleh pertumbuhan dalam subsektor Perikanan dan Ternakan yang masing-masing berkembang perlahan sebanyak 1.0 peratus (2024: 16.9%) dan 0.8 peratus (2024: 7.7%). Namun begitu, subsektor Tanaman mengukuh 7.3 peratus (2024: 4.4%) sekali gus mendorong prestasi baik sektor ini. Sebaliknya, sektor Perlombongan & pengkuarian berkembang 6.8 peratus dengan nilai ditambah berjumlah RM1.0 bilion.

Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Selangor merupakan antara enam (6) negeri yang mencatatkan KDNK per kapita melebihi paras nasional dengan nilai RM70,362, meningkat RM4,286 dari tahun 2024.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpulkan data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Selangor

Carta 1: KDNK Selangor, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SELANGOR GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Selangor's GDP reached RM460.1 billion, expanding by 6.3 per cent, surpassing the national growth rate, remained as the key contributor to the national economy

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **SELANGOR GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Selangor remained the largest contributor to the national economy, GDP value reaching RM460.1 billion, accounting for 26.5 per cent of the country's total economy. Selangor's economy expanded by 6.3 per cent in 2025, exceeding the national growth rate of 5.2 per cent."

In terms of Selangor's economic composition in 2025, the Services sector remained dominant, contributing 60.8 per cent to the state's GDP. This was followed by the Manufacturing and Construction sectors, which accounted for 28.5 per cent and 5.8 per cent respectively. The Agriculture sector contributed 1.1 per cent, while the Mining & quarrying sector made up 0.2 per cent of the state's GDP.

The Services sector which is Selangor's main economic driver, expanded by 6.0 per cent (2024: 6.3%), with value added amounting to RM279.9 billion. This growth was primarily fueled by the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector, which posted a 6.3 per cent increase (2024: 4.6%) as well as Utilities, transportation & storage and ICT subsector, which grew by 6.7 per cent (2024: 6.9%).

Selangor's Manufacturing sector posted a growth of 4.1 per cent (2024: 5.1%), supported by Electrical, electronic & optical products, which strengthened to 8.9 per cent (2024: 5.7%) in line with the robust global demand for semiconductor components. The sector's performance was further supported by Petroleum, chemical, rubber and plastic products which increased to 6.3 per cent (2024: 5.6%)

At the same time, the Construction sector maintained its strong momentum, recording a double-digit growth of 16.0 per cent (2024: 15.8%), driven by the Building construction subsector, which expanded by 24.0 per cent (2024: 29.2%).

Meanwhile, the Agriculture sector moderated to 4.0 per cent (2024: 8.1%), supported by Fishing and Livestock subsectors, which eased to 1.0 per cent (2024: 16.9%) and 0.8 per cent (2024: 7.7%), respectively. However, the Crops subsector recorded a

stronger growth of 7.3 per cent (2024: 4.4%), contributing to the favourable performance of the sector. On the other hand, the Mining & Quarrying sector expanded by 6.8 per cent, with value added amounting to RM1.0 billion.

In terms of GDP per capita, Selangor are among six (6) states exceeding the national average, recording RM70,362 an increase of RM4,286 as compared to 2024.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Selangor

Chart 1: Selangor's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**